

Faktor-Faktor Pembentukan Pemikiran al-Nadwi Terhadap Gagasan Sastra Islam

Factors in the Formation of al-Nadwi's Thought on the Idea of Islamic Literature

Mohd Shahrizal Nasir¹ & Kamarul Shukri Mat Teh²

¹ (Corresponding Author) Department of Arabic Language, Faculty of Languages and Communication, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia, e-mail: mohdshahrizal@unisza.edu.my

² Department of Education, Dakwah and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia, e-mail: kamarul@unisza.edu.my

ABSTRAK

Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi (1914-1999) merupakan seorang tokoh terkenal dalam dunia Islam. Ketokohan al-Nadwi terserlah menerusi usaha dakwahnya yang bersifat global merentasi sempadan tempat kelahirannya di India. Selain itu, al-Nadwi dikenali sebagai seorang sarjana yang membicarakan segenap aspek kehidupan berkaitan Islam meliputi pendidikan, ekonomi, perundangan, hubungan antarabangsa, kesusasteraan dan sebagainya. Perkara yang menarik untuk diberi perhatian ialah berkenaan usahanya memperkasa gagasan Sastra Islam di peringkat antarabangsa. Dalam usaha menangani masalah umat Islam menerusi pelbagai bidang, al-Nadwi masih memberi perhatian yang serius terhadap bidang kesusasteraan menerusi perbincangan mengenai Sastra Islam. Justeru, makalah ini akan mengenal pasti faktor-faktor yang membentuk pemikiran al-Nadwi berkaitan gagasan Sastra Islam. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dengan menjadikan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) sebagai kerangka analisis. Hasil kajian mendapati, faktor keluarga dan pendidikan merupakan dua faktor penting yang mempengaruhi pembentukan pemikiran al-Nadwi berkaitan Sastra Islam. Penekanan terhadap aspek kesusasteraan Islam dalam diri al-Nadwi telah didorong oleh individu dalam keluarga dan para gurunya yang memberi kesan besar terhadap ufuk pandangan beliau meletakkan keperluan agar kesusasteraan menjadi sebahagian daripada cakupan ilmu Islam.

Kata Kunci: Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi; Sastra Islam; Pemikiran Sastra; Faktor Pembentukan Pemikiran

ABSTRACT

Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi (1914-1999) is a famous figure in the Islamic world. al-Nadwi's prominence is evident through his worldwide preaching efforts across the

borders of his birthplace, India. Besides, al-Nadwi is also known for his thought in discussing aspects of life related to Islam including education, Economics, Law, international relations, literature, and others. It is also intriguing to note on his effort to strengthen the idea of Islamic Literature at the international level. In his effort to address the problems of Muslims through various fields, al-Nadwi pays serious attention to the field of literature through debates on Islamic Literature. Thus, this article is aimed to identify the factors that form al-Nadwi's thought related to the idea of Islamic Literature. This study uses the method of text analysis by making Bronfenbrenner's Ecological Theory (1979) as the analytical framework. The results from the study found that family and education factors are two important factors that influence the formation of al-Nadwi's thought on Islamic Literature. The emphasis on the Islamic literary aspect in al-Nadwi was driven by several individuals in his family and his teachers who had given a major impact on his thinking on the need for literature to be part of Islamic knowledge.

Keywords: Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi; Islamic Literature; Literary Thought; Factors in the Thought's Formation

1. Pendahuluan

Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi (seterusnya al-Nadwi) tidak asing dalam dunia dakwah Islam. Beliau yang dilahirkan pada tahun 1914 mendapat pendidikan di Dar al-'Ulum, Nadwah al-Ulama', India (al-Nadwi, 1987). Setelah tamat belajar di Universiti Lucknow dalam bidang Kesusasteraan Arab dan mengembara ilmu ke Lahore, beliau menjadi pengajar di Dar al-'Ulum, Nadwah al-Ulama' dan akhirnya menjadi rektor keempat institusi ilmu ini dari tahun 1961 hingga 1999 (Ahmad Fahmi, 2000). Nama gelaran "al-Nadwi" yang digunakan pada namanya juga merujuk kepada perkataan "Nadwah" iaitu nama institusi ilmu terkenal di India tersebut.

Ketokohan al-Nadwi mula menyerlah apabila beliau menulis sebuah buku berjudul *Maza Khasira al-'Alam bi Inhitat al-Muslimin* (Kerugian Dunia Kerana Kemunduran Umat Islam). Karya yang ditulis pada tahun 1949 ketika usianya 35 tahun telah mengejutkan dunia Islam pada ketika itu (Ahmad Fahmi, 2000). Dalam buku tersebut, al-Nadwi membuka dimensi pemikiran baharu dengan berusaha memperlihatkan kehebatan Islam dan umatnya. Ini kerana minda umat Islam sering diasak dengan pemikiran bahawa mereka adalah kelompok yang mundur. Namun al-Nadwi (t.th) menegaskan betapa dunia akan merasai penderitaan dan kerugian besar sekiranya umat Islam berada dalam kemunduran. Dengan kata mudah, semua manusia bergantung harap kepada umat Islam dan bukan sebaliknya.

Al-Nadwi sentiasa menggesa agar umat Islam perlu bebas daripada cengkaman ideologi Barat (Siddiq, 2000). Dalam bidang pendidikan, beliau berusaha menghasilkan buku-buku yang bersumberkan al-Quran, hadis dan sejarah Islam untuk anak-anak orang Islam. Ini sekaligus menolak penularan

ideologi Barat yang dimuatkan dalam buku-buku di sekolah anak-anak orang Islam di India pada ketika itu.

Penghasilan sejumlah besar karya yang menyentuh tentang Islam dan umat Islam merupakan antara sebab al-Nadwi dikenali ramai ketika hidupnya. Dalam bidang kesusasteraan, al-Nadwi dikenali bukan sahaja kerana penghasilan karya yang sangat banyak, malah beliau turut menjadi pengasas dan pengerusi pertama *Rabitah al-Adab al-Islami al-Alamiyyah* (Liga Sastera Islam Antarabangsa) (Ahmad Fahmi, 2000; Mohammad Akram, 2013). Ini merupakan satu petunjuk jelas bahawa kewibawaan al-Nadwi diiktiraf oleh masyarakat Islam di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, al-Washmi (2005) telah menimbulkan persoalan tentang ketokohan al-Nadwi yang dilihat telah mendahului para sarjana Islam lain dalam mengetengahkan wacana mengenai konsep awal gagasan Sastera Islam. Dalam keadaan al-Nadwi lahir, membesar dan mendapat pendidikan di India, serta dalam usia yang amat muda, beliau mampu berada di barisan hadapan dalam mengetengahkan isu-isu yang melanda umat Islam termasuk melibatkan bidang kesusasteraan.

Hal ini terbukti menerusi usaha al-Nadwi yang mendapat perhatian para sarjana Islam dunia khususnya dari dunia Arab. Penghasilan karyanya *Maza Khasira al-'Alam bi Inhitat al-Muslimin* (Kerugian Dunia Kerana Kemunduran Umat Islam) telah mengejutkan para sarjana Islam termasuk di Universiti al-Azhar pada ketika itu (Ahmad Fahmi, 2000; Mohammad Akram, 2013; Zulkifli, 2015). Begitu juga dengan peranan besar al-Nadwi yang diperlihatkan melalui gelaran hebat yang disandarkan kepadanya seperti *Ra'id al-Adab al-Islami* (al-Ghawri, 2009) dan *'Amid al-Adab al-Islami* (Shafiq, 2015). Semua keadaan yang menyerlahkan kehebatan diri al-Nadwi mengundang persoalan tentang faktor-faktor yang membentuk pemikiran al-Nadwi dalam bidang kesusasteraan khususnya melibatkan wacana Sastera Islam. Hal ini bukan sahaja penting dalam usaha untuk meneroka sudut pandang baharu berkenaan al-Nadwi tetapi juga menjadikan ketokohan beliau diwacanakan untuk manfaat masyarakat pada masa kini.

2. Skop dan Metodologi Kajian

Kajian ini mengguna pakai kaedah kualitatif yang melibatkan pendekatan analisis teks (*textual analysis*). Pemilihan metodologi kajian ini berdasarkan kesesuaian kaedah analisis teks yang memberi fokus kepada bahan kajian melibatkan bahan-bahan penulisan al-Nadwi sendiri. Analisis teks melibatkan proses pembacaan karya yang dikategorikan sebagai data kajian dengan memberi perhatian kepada maksud tersurat dan tersirat teks tersebut. Sumber utama yang digunakan dalam kajian ini melibatkan tulisan al-Nadwi sendiri terutama karya autobiografi beliau berjudul *Fi Masirah al-Hayah*. Beberapa

pandangan pengkaji lain berkaitan dimensi pemikiran al-Nadwi berkaitan Sastera Islam turut dimanfaatkan dalam perbincangan kajian ini.

Bagi tujuan menganalisis faktor-faktor pembentukan pemikiran al-Nadwi berkaitan kesusasteraan, Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) dipilih sebagai kerangka asas dalam menganalisis faktor-faktor pembentukan pemikiran al-Nadwi berkaitan Sastera Islam. Secara asasnya, Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) merupakan teori yang melihat perkembangan individu khususnya golongan kanak-kanak berdasarkan pengaruh persekitaran. Meskipun teori ini memberi fokus terhadap perkembangan kanak-kanak, namun perkara-perkara yang diberi penekanan dalam sistem yang mendasari Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) berupaya menyerlahkan faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan pemikiran seseorang individu.

Lima sistem yang digariskan dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) terdiri daripada mikrosistem, mesosistem, ekosistem, makrosistem dan kronosistem. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya akan mengaplikasi satu sistem sahaja iaitu mikrosistem. Pemilihan sistem mikrosistem dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) dibuat berdasarkan fungsinya melibatkan persekitaran yang memberi pengaruh langsung terhadap perkembangan manusia. Hal ini dilihat sangat penting kerana ia berupaya memberi gambaran yang jelas tentang persekitaran yang mempengaruhi pemikiran al-Nadwi dalam kehidupannya.

Mikrosistem merujuk kepada hubungan timbal balas secara langsung antara individu dengan persekitaran terdekat dalam kehidupan mereka. Menurut Bronfenbrenner (1979), mikrosistem melibatkan hubungan secara langsung yang dapat difahami menerusi keadaan bersemuka. Ini melibatkan persekitaran yang benar-benar dekat dalam kehidupan seseorang individu meliputi tempat tinggal seperti ibu bapa dan ahli keluarga, dan juga tempat menuntut ilmu seperti guru dan rakan sebaya. Menurut Rohayati (2020), kelompok pihak yang berada dalam lingkungan keluarga di rumah serta dalam institusi pendidikan adalah termasuk dalam persekitaran yang berkaitan secara langsung dengan individu serta menjalinkan hubungan secara khusus. Dengan kata lain, mikrosistem berfungsi sebagai wadah membentuk pemikiran dalam diri seseorang individu kerana hubungan yang sangat dekat serta berlaku secara langsung.

Berdasarkan satu daripada sistem yang melatari Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) iaitu mikrosistem, kajian ini akan memperhalusi dua faktor yang dilihat mempunyai perkaitan rapat dengan pembentukan pemikiran al-Nadwi berkaitan Sastera Islam. Dua faktor tersebut ialah keluarga dan pendidikan. Faktor keluarga dan pendidikan dikenal pasti sebagai faktor yang termasuk dalam mikrosistem kerana kedua-dua faktor ini memperlihatkan hubungan timbal balik secara langsung dengan diri al-Nadwi. Walau bagaimanapun, sebelum membincangkan faktor-faktor

pembentukan pemikiran al-Nadwi secara spesifik, bahagian seterusnya akan terlebih dahulu menjelaskan kemunculan gagasan Sastera Islam secara ringkas. Ini dilihat sebagai satu perkara penting memandangkan pemikiran al-Nadwi yang dimaksudkan dalam makalah ini merujuk kepada pemikirannya berkaitan Sastera Islam.

3. Kemunculan Gagasan Sastera Islam

Kehadiran Islam dilihat sebagai titik permulaan kepada perubahan kehidupan masyarakat Arab yang sebelumnya hidup pada Zaman Jahiliah. Meskipun terdapat dalam kalangan mereka yang tidak menerima Islam, tetapi hakikatnya kedatangan Islam ke dunia telah mengubah tatacara kehidupan manusia seluruhnya termasuk melibatkan aktiviti kesusasteraan yang melatari kehidupan mereka (al-Shanti, 2005). Satu fakta yang tidak boleh disangkal bahawa penurunan wahyu pertama kepada Rasulullah SAW di Mekah yang terletak di Semenanjung Tanah Arab dengan menggunakan bahasa Arab menjadikan punca berlakunya proses islamisasi kesusasteraan bermula dengan Kesusasteraan Arab. Oleh itu, dapat difahami bahawa Sastera Islam sememangnya mempunyai perkaitan rapat dengan Kesusasteraan Arab. Walau bagaimanapun, hal ini tidak membawa makna bahawa Sastera Islam hanya berada dalam lingkungan Kesusasteraan Arab sahaja. Perkara ini dapat difahami dengan mudah menerusi pemahaman bahawa sumber utama dalam Islam iaitu al-Quran dan hadis, kedua-dua medium bahasanya ialah bahasa Arab. Namun keadaan ini tidak sesekali membawa pemahaman bahawa Islam hanya milik eksklusif masyarakat berbangsa Arab.

Islamisasi kesusasteraan tidak terhenti dalam ruang lingkup sastera pada era Rasulullah SAW sahaja. Kemunculan semula Sastera Islam sebagai satu konsep atau gagasan yang perlu diterapkan dalam kesusasteraan adalah disebabkan kesedaran umat Islam terhadap kemuliaan agama Islam. Kebangkitan gerakan Islam untuk membawa umat Islam agar berpegang teguh kepada ajaran Islam turut melibatkan bidang kesusasteraan. Keadaan tersebut antara lain berpunca daripada kegiatan penyebaran agama Kristian di negara-negara Islam yang disebabkan penaklukan oleh kuasa Barat.

Kritzeck (1970) menyatakan bahawa kejatuhan empayar Islam Uthmaniyah menyebabkan kuasa Barat menakluk banyak negara Islam seterusnya menjadi punca berlakunya penyebaran agama Kristian. Penyebaran dakyah Kristian ini turut melibatkan kesusasteraan sehingga hal ini akhirnya menjadi antara faktor kemunculan Sastera Islam era moden selepas tahun 1800-an (Kritzeck, 1970). Perkara yang penting untuk difahami ialah pemeraksanaan Sastera Islam pada era moden dilihat sebagai satu keperluan mendesak agar usaha-usaha memisahkan sastera daripada Islam atau agenda merosakkan sastera dengan kemasukan ideologi Barat

termasuk dakwah Kristianisasi yang merosakkan pegangan umat Islam dapat dibanteras.

Oleh itu, gerakan Islam di seluruh dunia dilihat mengambil inisiatif untuk menangkis kerosakan yang berlaku termasuk dalam dunia kesusasteraan (Le Gassick, 1988; Kubarek, 2016). Sastera dijadikan sebagai antara wadah untuk melakukan dakwah dengan mengaitkan sastera dengan Islam (Rosni, 2015). Inilah yang dinyatakan oleh Ungku Maimunah (1989) tentang kebangkitan gerakan Islam yang menyumbang ke arah munculnya arus kesusasteraan berlandaskan perspektif Islam. Kebangkitan Islam ini antara lain dilihat menerusi usaha-usaha dakwah yang dilakukan bagi menyebarkan dan memperkasakan pemahaman masyarakat terhadap Islam. Sayyid Qutb dikenali sebagai individu yang bergiat aktif dalam gerakan Ikhwan al-Muslimin di Mesir dikatakan antara orang yang terlibat dengan usaha mengembalikan sastera kepada Islam sekitar tahun 1950-an (Rahmah, 2003). Keadaan ini bukan sahaja berlaku di Mesir, sebaliknya boleh dikira sebagai satu fenomena global. Sebagai contoh, kemunculan perbincangan tentang Sastera Islam di Malaysia turut disebabkan faktor kemunculan gerakan dakwah Islamiah sekitar awal 1970-an (Ungku Maimunah, 1989).

Menurut Shushtery (1966), kemunculan semula Sastera Islam pada era moden melibatkan umat Islam secara meluas mencakupi karyawan Islam yang berada di luar rantau Islam. Ini menunjukkan kepentingan memperkasakan Sastera Islam tidak hanya berlaku di negara-negara Arab sahaja sebaliknya melibatkan seluruh dunia Islam. Hal ini lebih-lebih lagi apabila dunia kesusasteraan menerima kemasukan pelbagai teori Barat yang bercanggah dengan Islam. Pelbagai teori dalam dunia Kesusasteraan Barat telah muncul malah mempengaruhi kesusasteraan global seperti Strukturalisme, Pascastrukturalisme, Pascakolonialisme, Pascamodernisme dan sebagainya sekitar dekad 1980-an sehingga tempoh tersebut dikenali sebagai “detik teori” Barat (Barry, 1995). Ungku Maimunah (2010) menyatakan kemunculan semua teori sastera dan kritikan Barat ini menyerlahkan kecenderungan untuk menolak kemutlakan dan autoriti termasuk ketidakpercayaan kepada tuhan. Dalam konteks inilah, kemasukan teori-teori Barat dalam kesusasteraan melibatkan dunia Islam membawa impak yang sangat berbahaya kerana semuanya menolak kewujudan dan kekuasaan Allah SWT. Justeru, seruan agar umat Islam memperkasakan pemahaman agama dalam kesusasteraan menerusi gagasan Sastera Islam dilihat sebagai satu usaha yang sangat penting.

Tidak dapat dinafikan bahawa dunia Arab merasai kehangatan kemunculan Sastera Islam lebih awal berbanding tempat lain dengan wacana mengenainya dibincangkan oleh para sarjana Arab (Adli, 2014; Rabih, 2019). Kebenaran hal ini lebih-lebih lagi dapat difahami apabila kemunculan semula perbincangan tentang Sastera Islam era moden turut lebih awal berlaku dalam Kesusasteraan Arab. Situasi ini tidak menghairankan kerana Sastera

Islam sememangnya muncul seiring dengan kedatangan Islam sehingga memberi kesan terhadap Kesusasteraan Arab pada ketika itu. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa wujud peranan pihak yang berada di luar kelompok wilayah Arab sekitar Timur Tengah dalam mengetengah serta kemudiannya memperkasa gagasan Sastera Islam. Ini dapat dilihat apabila al-Nadwi telah diiktiraf sebagai orang pertama yang mengetengahkan perbahasan tentang Sastera Islam pada era kesusasteraan moden (Bin 'Isa, 1998; al-Ya'qubi, 2011; Rabih, 2019). Sebenarnya isu melibatkan keperluan mengetengahkan Sastera Islam termasuk dalam perkara yang bersifat global. Keadaan ini semestinya berkait rapat dengan status Islam sebagai sebuah agama universal dan tidak hanya eksklusif bagi masyarakat Arab sahaja. Di sinilah terserlahnya peranan dan sumbangan al-Nadwi yang giat memperjuangkan gagasan Sastera Islam sehingga namanya tidak dapat dipisahkan daripada gagasan tersebut. Hal ini dibuktikan apabila namanya dinyatakan dalam laman sesawang rasmi *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyyah* (Liga Sastera Islam Antarabangsa) sebagai pengasas dan pelopor pertubuhan tersebut (<https://adabislami.org/>).

Perbahasan tentang Sastera Islam tidak hanya berbentuk eksklusif untuk Kesusasteraan Arab sahaja, malah ia sebenarnya bersifat universal kerana Islam sendiri adalah agama yang bercirikan universal (Sanaullah, 2017). Berdasarkan penglibatan al-Nadwi yang sangat aktif dalam mengetengah dan memperkasa gagasan Sastera Islam, maka kajian berkaitan ketokohnya dilihat dapat memberi nilai tambah dalam skop kajian bidang kesusasteraan. Perhatian khusus yang diberikan oleh al-Nadwi dalam bidang kesusasteraan boleh dilihat berdasarkan sumbangan yang dilakukannya (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2020). Kecenderungan al-Nadwi terhadap bidang kesusasteraan dapat dilihat seawal proses pembesarannya yang tidak pernah dipisahkan daripada karya-karya besar bidang kesusasteraan (al-Nadwi, 1987). Usahanya untuk menguasai bahasa Arab juga membuatkan dirinya tidak boleh dipisahkan dengan kesusasteraan terutama kesusasteraan Arab.

Sebenarnya kefahaman al-Nadwi tentang kedudukan kesusasteraan yang merupakan sebahagian daripada cabang pendidikan juga menjadi antara punca perhatiannya terhadap kesusasteraan tidak pernah berkurangan. Mohd. Kamal (1996) menyebut bahawa seni dan sastera yang dihasilkan berdasarkan perspektif ilmu adalah sesuatu yang dituntut oleh Islam kerana ia merupakan satu pengiktirafan manusia terhadap nilai yang baik, murni dan diredai oleh Allah SWT. Pemahaman ini wujud berdasarkan kepentingan ilmu yang digariskan dalam nas-nas agama. Ilmu yang benar akan mendorong manusia melakukan ketaatan kepada Allah SWT. Justeru, kesusasteraan yang dikaitkan dengan ilmu akan membawa satu kesepaduan untuk kebaikan manusia. Walau bagaimanapun, menurut Mohd Kamal (1996), pelbagai aliran falsafah Barat telah meresapi karya-karya besar dalam

sejarah sastera Barat serta turut mempengaruhi perkembangan seni dan sastera moden dalam dunia Islam.

Haddad (1991) menyatakan bahawa antara punca yang membangkitkan perubahan dalam bidang kesusasteraan khususnya melibatkan Islam ialah apabila masyarakat Islam menyedari keperluan pembebasan daripada kuasa dan ideologi Barat. Hal ini kemudiannya dikaitkan dengan usaha mengislamisasikan ilmu agar umat Islam kembali menghargai dan memanfaatkan khazanah ilmu berteraskan Islam. Inilah antara perkara yang diketengahkan oleh al-Nadwi bagi memastikan pendidikan termasuk menerusi wadah sastera yang diberikan kepada anak-anak orang Islam mestilah berteraskan Islam. Sebenarnya al-Nadwi (1977) telah mengkritik usaha Barat yang menjadikan pendidikan sebagai alat yang boleh merosakkan bukan sahaja pemikiran umat Islam tetapi juga pegangan agama.

Justeru, dapat dilihat bahawa usaha al-Nadwi mengembalikan pendidikan berteraskan Islam adalah satu usaha yang bersifat komprehensif kerana turut melibatkan bidang kesusasteraan. Pegangan al-Nadwi yang sangat jelas tentang kepentingan kesusasteraan sebagai salah satu cabang ilmu dilihat sebagai antara asas utama penggemblengan pemikiran dan usahanya dalam memartabatkan gagasan Sastera Islam.

4. Faktor-Faktor Pembentukan Pemikiran al-Nadwi

Penekanan khusus yang diberikan oleh al-Nadwi dalam bidang kesusasteraan mengundang keperluan untuk meneliti faktor-faktor membentuk pemikirannya yang tersendiri dalam bidang kesusasteraan. Pendirian al-Nadwi yang konsisten dalam memperkasakan gagasan Sastera Islam sehingga ke akhir hayatnya membuktikan kedudukan sastera sebagai antara wadah dakwah yang perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Pendirian yang melatari pemikiran al-Nadwi berkaitan kesusasteraan pasti disebabkan oleh faktor-faktor yang mempunyai pengaruh besar sehingga menatijahkan sebuah pemikiran yang jelas tentang Sastera Islam serta isu-isu yang berkaitan dengannya.

Huraian yang diketengahkan dalam tulisan Mohd Rumaizuddin (2010 & 2016), Ahmad Fahmi (2000), al-Qaradawi (2001), Mohamad Akram (2013), dan Zulkifli (2015) menyatakan faktor-faktor pembentukan pemikiran serta sahsiah al-Nadwi yang dilihat turut memberi kesan terhadap corak pemikirannya berkaitan kesusasteraan. Namun hal ini wajar diperhalusi agar faktor-faktor yang membentuk pemikiran kesusasteraan al-Nadwi dapat diketengahkan dengan lebih berfokus. Hal ini bertujuan memberi pendedahan dan pengajaran kepada khalayak ramai tentang faktor-faktor yang memberi kesan kepada pembentukan pemikiran kesusasteraan al-Nadwi dengan fokus diberikan terhadap pemikiran Sastera Islam.

Mohd Rumaizuddin (2010) secara jelas menyenaraikan enam faktor yang membentuk kepribadian al-Nadwi iaitu peranan keluarga, peranan Dar al-‘Ulum Nadwah al-‘Ulama’, peranan syair Iqbal, kesan al-Quran dan sirah Nabi, hubungan dengan ahli rabbani dan ahli sufi, serta kesan subjek sejarah dan sains kemanusiaan. Kesemua enam faktor ini dilihat menyumbang kepada pembentukan kepribadian al-Nadwi sebagai seorang tokoh pemikir Islam ulung yang dibuktikan antaranya menerusi penghasilan sejumlah karya yang menjadi rujukan umat Islam sejagat serta pengiktirafan yang diterimanya di peringkat global. Namun dalam konteks makalah ini yang memberi fokus terhadap bidang kesusasteraan, terdapat keperluan agar faktor-faktor yang membentuk ketokohan al-Nadwi dalam kesusasteraan diperhalusi. Sepertimana yang telah dijelaskan, makalah ini memberi tumpuan kepada dua faktor berdasarkan mikrosistem daripada Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979). Dua faktor tersebut ialah keluarga dan pendidikan.

4.1 Faktor Pertama: Keluarga

Keluarga merupakan institusi terpenting dalam pembinaan diri seseorang individu. Setiap insan lahir daripada sebuah keluarga yang terdiri daripada bapa dan ibu. Justeru, bapa dan ibu memikul tanggungjawab yang sangat penting bukan sahaja untuk membesarkan anak-anak dari sudut fizikalnya, namun lebih penting lagi memastikan mereka memiliki pemikiran yang baik. Bertitik-tolak daripada dua individu iaitu bapa dan ibu, sebuah institusi keluarga dapat dibina dengan kesemuanya menjadi asas kepada terbentuknya masyarakat. Oleh itu, Islam dilihat amat mementingkan pembinaan institusi keluarga dengan perbincangan serta penetapan hukum-hukum mengenainya meliputi pelbagai peringkat (Mahmud et al., 1992).

‘Ulwan (1992) menjelaskan bahawa pendidikan anak-anak bermula dalam sebuah keluarga dengan peringkat pertamanya melibatkan urusan perkahwinan. Ini dibuktikan secara jelas menerusi semua peraturan serta hukum-hukum yang ditetapkan oleh Islam dalam bab perkahwinan. Melihat kepada kepentingan keluarga yang digariskan oleh Islam, institusi keluarga merupakan faktor terpenting dalam pembentukan kepribadian seseorang individu termasuk dari sudut pemikiran. Oleh itu, dalam usaha meneroka faktor pemikiran al-Nadwi yang dikaitkan dengan Sastera Islam, faktor keluarga diletakkan sebagai faktor pertama yang perlu diberi perhatian. al-Sayyid Muhammad al-Rabi’ (2001) seorang daripada ahli keluarga besar al-Nadwi menyatakan bahawa persekitaran keluarga al-Nadwi sendiri banyak mempengaruhi pemikiran dan personaliti diri al-Nadwi. Justeru, beberapa keperihalan melibatkan individu dalam keluarga al-Nadwi wajar diperhalusi bagi melihat peranannya dalam membentuk pemikiran Sastera Islam dalam diri al-Nadwi.

a) ‘Abd al-Hayy al-Hasani bin Fakhr al-Din al-Hasani

‘Abd al-Hayy al-Hasani (1869-1923) iaitu bapa kepada al-Nadwi merupakan mantan rektor Dar al-‘Ulum Nadwah al-‘Ulama’ dan seorang penulis yang prolific. Karya agung beliau berjudul *Nuzhah al-Khawatir wa Bahjah al-Masami’ wa al-Nawazir* merupakan karya yang mengumpulkan sejumlah 5000 biografi personaliti di India termasuk para pemuisi dalam bidang kesusasteraan. Ini membuktikan golongan pemuisi yang memperkayakan bidang kesusasteraan di India diiktiraf sebagai kelompok yang berpengaruh dalam kalangan masyarakat oleh ‘Abd al-Hayy. Sebenarnya usaha bapa al-Nadwi yang berkeupayaan menghasilkan karya-karya hebat turut memberi kesan terhadap usaha al-Nadwi yang turut melakukan hal yang sama. al-Nadwi mengakui bahawa beliau amat terkesan dengan gaya bahasa bapanya dalam penulisan berbahasa Urdu yang disifatkannya sebagai gaya bahasa *al-tarikhi al-adabi* (al-Nadwi, 1987). Kenyataan ini membuktikan meskipun ‘Abd al-Hayy memberi fokus terhadap penulisan sejarah, namun gaya bahasa yang digunakan turut memanfaatkan elemen kesusasteraan.

Meskipun al-Nadwi hanya hidup bersama bapanya sehingga menghampiri usia sembilan tahun, namun banyak usaha yang dilakukan oleh bapanya telah mempengaruhi pemikiran dirinya. Antara yang jelas ialah apabila al-Nadwi menjadi seorang yang sangat minat membaca buku. Buku-buku yang diterima dan telah dibaca oleh bapanya akan dibaca oleh al-Nadwi serta menyimpannya sebagai koleksi peribadi. Inilah antara kesan langsung yang diterima oleh al-Nadwi daripada bapanya iaitu seorang ilmuwan yang banyak membaca dan menulis buku. al-Nadwi menjelaskan minatnya terhadap buku-buku yang asalnya dimiliki oleh bapanya, sehingga beliau memiliki perpustakaan peribadi di rumahnya (al-Nadwi, 1987: 62):

لقد كانت بيئة الوالد بيئة علمية تأليفية محضة، فكان يشتري كثيرا من الكتب، وكان المؤلفون والكتاب يبعثون بمؤلفاتهم إليه أيضا، فكان ينظر في كثير من هذه الكتب والرسائل والمجلات نظرة، ثم يضعها في جانب، ويستغني عن بعضها، فكنت أفتش في هذه الكومة - التي كان يستغني عنها الوالد - ... وأختار منها، وكان هناك دولا ب مفتوح في صحن البيت، فأضع هذه الكتب فيه وأصففها، وقد هيات لافتة لهذا الدولا ب كتبت عليه "مكتبة أبي الحسن علي".

Terjemahan: “Persekitaran kehidupan bapa adalah persekitaran ilmiah menerusi aktiviti kepengarangan semata-mata. Beliau akan membeli banyak buku. Dan ada karyawan dan penulis juga yang sering mengirim buku mereka kepadanya. Oleh itu, dia melihat banyak buku, surat, dan majalah ini secara sepintas lalu, kemudian meletakkannya di satu sudut dan

membiarkannya. Jadi saya mencari di timbunan ini - yang tidak lagi diperlukan oleh ayah - ... Dan saya memilihnya. Di satu sudut dalam rumah, ada sebuah almari terbuka, lalu saya meletakkan buku-buku pilihan tadi padanya dan menyusunnya. Saya juga menyediakan sebuah papan tanda pada almari ini dengan tulisan “Perpustakaan Abu al-Hassan ‘Ali.”

Ketika usia al-Nadwi masih belum mencapai sembilan tahun, beliau telah menyerlahkan identiti diri sebagai seorang yang mencintai buku (al-Nadwi, 1987). Identiti ini bertitik-tolak daripada persekitaran dirinya memiliki seorang bapa yang terlibat aktif dalam aktiviti melibatkan buku termasuk pembacaan dan penulisan. Meskipun bapa al-Nadwi merupakan seorang doktor perubatan yang memiliki klinik sendiri, beliau masih terlibat aktif dalam pentadbiran Dar al-‘Ulum Nadwah al-‘Ulama’ (al-Nadwi, 1987). Hal ini secara tidak langsung telah meletakkan diri al-Nadwi sebagai seorang anak yang membesar dalam persekitaran keilmuan.

Selain itu, al-Nadwi turut merasai didikan bapanya yang memberi sokongan dalam usahanya mencintai pengkisahan kehidupan Rasulullah SAW (*al-sirah al-nabawiyah*) menerusi bahan-bahan bacaan. Pendedahan terhadap sejarah kehidupan Rasulullah SAW diberikan kepada al-Nadwi sejak awal usia mudanya. al-Nadwi menyebut bahawa beliau membaca bahan-bahan bacaan tersebut sama ada dalam bentuk *manzumah* (puisi) mahupun *manthurah* (prosa). Ini sekaligus membuktikan bahawa al-Nadwi diberikan bahan bacaan berbentuk sastera memandangkan bahan sastera sememangnya terdiri daripada dua bentuk tersebut. al-Nadwi menceritakan kenangannya mendapat perhatian dan didikan daripada bapanya yang pernah merasai kegembiraan melihat keadaan anaknya yang meminati buku-buku berkaitan sejarah kehidupan Rasulullah SAW. Malah pada usia kecilnya juga, al-Nadwi telah menunjukkan keprihatinan untuk menyebarkan kandungan bahan bacaan berkaitan Rasulullah SAW kepada rakan-rakan seusia dengannya (al-Nadwi, 1987: 57-58):

وقد كنا جميعا نشارك في قراءة هذه الكتب - التي تكون تارة منظومة وأخرى منشورة -، وقرأت في تلك الفترة كتباً ورسائل صغيرة بالأردية في السيرة النبوية... فدعوت الأطفال الصغار مثلي ومن أترائي... وأخذت كتاباً من تلك الكتب المجموعة... وكان الوالد - رحمه الله - قد وقف بجانب من هذا المجلس يسمع ابنه وهو يقرأ من هذا الكتاب...".

Terjemahan: “Dan kami semua mengambil bahagian dalam pembacaan buku-buku ini - kadang-kadang kandungannya dalam bentuk puisi, dan kadang-kadang pula dalam bentuk prosa -. Pada ketika itu, saya membaca sejumlah buku dan lembaran kecil dalam bahasa Urdu tentang sejarah kehidupan Nabi... Dan saya memanggil anak-anak kecil seusia dengan saya dan rakan

sebayaya saya... dan saya mengambil salah satu buku (berkaitan sejarah kehidupan Nabi) itu bersama-sama (untuk dibaca). Dan bapa saya - semoga Allah merahmatinya - ada kalanya akan berdiri di samping majlis ini, mendengar anaknya membaca buku ini...”

Berdasarkan fakta bahawa al-Nadwi turut mendapat pendidikan langsung daripada bapanya meskipun dalam tempoh yang singkat, didikan yang diterimanya menjurus kepada penekanan terhadap ilmu Islam. al-Nadwi didedahkan agar mencintai buku-buku selain diberi peluang berkongsi bacaannya kepada rakan-rakan sebayaya. Bahan bacaan yang diberi keutamaan pula sama ada dalam bentuk puisi mahupun prosa kesemuanya berkaitan kehidupan insan mulia iaitu Rasulullah SAW. Malah al-Nadwi turut menyatakan bahawa beliau sering mengikuti bapanya menghadiri majlis ilmu berkaitan *al-sirah al-nabawiyyah* yang diadakan di Dar al-‘Ulum Nadwah al-‘Ulama’ (al-Nadwi, 1987). Hal ini menyumbang kepada keprihatinan al-Nadwi terhadap *al-sirah al-nabawiyyah* memandangkan ia merupakan ilmu awal yang diterima daripada bapanya sendiri. Selain itu, tidak dapat dinafikan bahawa usaha memberi perhatian terhadap *al-sirah al-nabawiyyah* sepanjang aktiviti dakwah al-Nadwi turut memberi peluang kepadanya mengimbu kenangan bersama bapanya.

b) Khayr al-Nisa’ bint Diya’ al-Nabi al-Hasani

Insan bernama Khayr al-Nisa’ bint Diya’ al-Nabi al-Hasani (1878-1968) merupakan ibu kepada al-Nadwi. Beliau merupakan seorang insan yang berpegang teguh terhadap ajaran Islam. Dari sudut keperibadian, Khayr al-Nisa’ merupakan seorang yang menghafal al-Quran (Mohammad Akram, 2013). Keperibadian beliau yang meletakkan al-Quran sebagai sumber pegangan paling utama memberi kesan terhadap usahanya mendidik al-Nadwi khususnya selepas pemergian suami ketika al-Nadwi hampir berumur sembilan tahun (al-Nadwi, 1987). Hal ini dibuktikan sepertimana catatan al-Nadwi (1987) dalam karyanya *Fi Masirah al-Hayah* yang menyebut bahawa ibunya mengingatkan dirinya agar sentiasa memulakan usaha menulis dengan menyebut nama Allah SWT serta doa berikut:

بسم الله الرحمن الرحيم، اللهم آتني بفضلك أفضل ما تؤتي عبادك الصالحين.

Terjemahan: “Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Ya Allah, kurniakanlah kepadaku dengan kelebihan-Mu sesuatu yang terbaik sepertimana dikurniakan kepada para hamba-Mu yang soleh.”

Untaian doa yang dipesan oleh ibu membuatkan al-Nadwi sentiasa membacanya setiap kali memulakan aktiviti penulisan. Menurut al-Nadwi (1987), ibunya bukan sahaja memberi pesanan malah turut meyakinkan dirinya tentang keperluan membaca doa tersebut agar setiap penulisannya diberkati oleh Allah SWT. Didikan ini kekal menjadi amalan al-Nadwi sehingga ia bukan sahaja dibaca ketika beliau ingin memulakan penulisan, tetapi turut dibaca ketika berada dalam pelbagai majlis yang dihadapinya. Keadaan ini menyerlahkan kesan didikan Islam yang mantap dalam diri al-Nadwi oleh ibunya. Dari sudut yang lain pula, keadaan tersebut menyerlahkan keperibadian al-Nadwi yang taat terhadap saranan ibunya dan ini pasti menjadi sebahagian daripada perkara yang menyumbang ke arah pembentukan keperibadian al-Nadwi yang mulia.

al-Nadwi menjelaskan peranan ibunya yang sangat besar dalam mendidik dirinya lebih-lebih lagi selepas ketiadaan bapanya. Didikan ibu al-Nadwi terhadap dirinya yang mengutamakan ajaran Islam disedari sendiri oleh al-Nadwi dan beliau amat menghargainya. Ini membuktikan al-Nadwi secara jelas menghayati didikan agama Islam yang diberikan kepadanya. al-Nadwi (1987: 75) menjelaskan perihal ini menerusi tulisannya:

لقد كانت والدتي - لعدم وجود الرجال في البيت - هي المسؤولة الأولى عن مراقبتي وتقديمي وتربيتي الدينية، وقد حفظتني بعض السور الكبيرة من القرآن الكريم.

Terjemahan: “Sesungguhnya ibuku - dengan ketiadaan lelaki dalam rumah - beliau adalah insan yang paling bertanggungjawab menemaniku, membesarkanku, dan mendidikku dengan didikan agama. Dan beliau menghafalkan untukku (melazimi bacaan) beberapa surah penting daripada surah-surah dalam al-Quran.”

Selain memberi didikan kepada al-Nadwi berasaskan al-Quran, usaha ibunya yang mendidik dirinya dengan didikan Islam menjadi sebab lahirnya inisiatif menghasilkan penulisan yang menyanjung ajaran Islam. Adalah sesuatu yang janggal sekiranya al-Nadwi memulakan usahanya menulis dengan membaca nama Allah SWT, sedangkan kandungan tulisannya bertentangan dengan ajaran Islam atau tidak langsung membawa mesej Islam. Perkara ini adalah sesuatu perkara yang boleh dianggap mustahil. Oleh itu, usaha al-Nadwi menghasilkan karya termasuk dalam genre sastera kesemuanya berpaksikan kandungan ajaran Islam. Justeru, didikan ibu al-Nadwi sangat berkesan membawa dirinya agar memberi fokus terhadap karya yang berteraskan Islam sesuai dengan untaian doa yang diamalkan sepertimana saranan ibunya.

Ibu al-Nadwi juga dikenali sebagai seorang wanita yang mempunyai kemahiran dalam kesusasteraan. Dalam kitab *Fi Masirah al-Hayah*, al-Nadwi (1987) memperkenalkan ibunya sebagai seorang yang berada dalam

kelompok *al-sha'irat al-matbu'at* iaitu pemuisi wanita yang mempunyai kepakaran semulajadi dalam menghasilkan puisi. Malah beliau juga dikenali sebagai seorang sasterawan (*al-adibah*) secara umum dan pemuisi (*al-sha'irah*) secara khusus (al-Sayyid Muhammad al-Rabi', 2001). Ibu al-Nadwi turut memiliki dua koleksi puisi sendiri yang berjudul *Bab al-Rahmah* dan *Miftah Bab al-Rahmah*. Koleksi puisi berjudul *Bab al-Rahmah* merujuk kepada puisi yang berfokus tentang untaian doa, manakala *Miftah Bab al-Rahmah* pula merujuk kepada puisi berkaitan sanjungan serta pujian terhadap Rasulullah SAW (Mohammad Akram, 2013).

Penghasilan dua buah karya genre puisi oleh ibu al-Nadwi jelas menunjukkan keutamaan yang diberikan olehnya dalam menghasilkan karya berorientasi Islam melibatkan Rasulullah SAW. Keadaan ini mempunyai perkaitan dengan ilmu Islam yang dimilikinya selain merupakan seorang insan yang menghafal al-Quran. Menurut Ahmad Fahmi (2000), ibu al-Nadwi juga ada mengarang puisi-puisi sejarah Islam, selain gemar mendengar puisi-puisi bertemakan semangat jihad. Malah al-Nadwi turut menyatakan bahawa majlis memperdengarkan puisi semangat jihad dalam bahasa Urdu menjadi tradisi dalam keluarganya terutama apabila melibatkan situasi kesedihan (al-Nadwi, 1987). Tradisi ini menurut al-Nadwi sebagai satu tradisi yang baik *al-taqalid al-tayyibah* dan secara tidak langsung membuktikan kuatnya pertalian keluarga beliau dengan seni kesusasteraan. Mereka akan berada dalam majlis bagi mendengar alunan bait-bait puisi bertemakan jihad dan peperangan yang disertai oleh para sahabat Rasulullah SAW berjudul "Futuh al-Sham" oleh seorang pemuisi bernama al-Waqidi (al-Nadwi, 1987). Ibu al-Nadwi dilihat telah berusaha mendekatkan diri anaknya dengan perkara-perkara yang melibatkan kesusasteraan Islam sejak al-Nadwi berada pada zaman kanak-kanak lagi.

c) 'Abd al-'Ali bin 'Abd al-Hayy al-Hasani

Individu lain dalam keluarga al-Nadwi yang banyak berjasa dalam kehidupannya ialah abang beliau bernama 'Abd al-'Ali bin 'Abd al-Hayy al-Hasani (1893-1961). Tugas membesarkan al-Nadwi digalas oleh abangnya bersama ibunya selepas bapa al-Nadwi meninggal dunia (al-Nadwi, 1987). 'Abd al-'Ali merupakan satu-satunya abang kepada al-Nadwi daripada ibu yang berlainan. Beliau merupakan anak kepada Zaynab bint 'Abd al-'Aziz al-Husayni al-Hansawi yang merupakan isteri pertama kepada bapa al-Nadwi (Mohammad Akram, 2013). Al-Nadwi (1987) ketika mengisahkan perjalanan kehidupan keluarganya turut menjelaskan perihal abangnya yang bersama membesarkannya. Pengorbanan 'Abd al-'Ali terhadap al-Nadwi bukan sahaja kerana beliau merupakan seorang abang, malah al-Nadwi (1987) turut merasakan peranan abangnya sebagai seorang bapa. Daripada seorang abang yang hanya memberi fokus kepada pelajarannya dalam bidang perubatan,

‘Abd al-‘Ali menggalas tanggungjawab besar dalam keluarga al-Nadwi selepas ketiadaan bapa mereka (al-Nadwi, 1987).

Sifat kebertanggungjawaban ‘Abd al-‘Ali ternyata memberi kesan dalam pembentukan kepribadian adiknya iaitu al-Nadwi. Perbezaan umur 21 tahun antara ‘Abd al-‘Ali dengan al-Nadwi telah membuatkan al-Nadwi sentiasa menghormati abangnya. al-Nadwi (1987) menyebut antara perkara yang paling diingati tentang didikan abangnya ialah beliau amat mementingkan ibadah solat. Penekanan terhadap didikan Islam menjadi keutamaan abang al-Nadwi memandang sebelum beliau menceburi bidang perubatan, beliau telah pun selesai mengikuti pembelajaran di Dar al-‘Ulum Nadwah al-‘Ulama’ dalam bidang Bahasa Arab dan Syariah Islamiah (al-Nadwi, 1987). Disebabkan latar pendidikan abang al-Nadwi ini juga membuatkan beliau memberi perhatian yang serius terhadap pembelajaran adiknya. Beliau telah menghantar al-Nadwi yang ketika itu berusia sepuluh tahun untuk mempelajari bahasa Arab daripada al-Shaykh Khalil bin Muhammad (al-Nadwi, 1987).

Selain itu, perkara yang menarik untuk diperhatikan dalam konteks pembentukan pemikiran al-Nadwi berkaitan Sastera Islam ialah pemilihan bahan bacaan oleh ‘Abd al-‘Ali untuk adiknya al-Nadwi. Ini dapat dilihat apabila ‘Abd al-‘Ali amat teliti dalam pemilihan bahan bacaan yang sesuai untuk al-Nadwi. Meskipun bahan bacaan sastera turut diberi keutamaan, namun ‘Abd al-‘Ali tidak menggalakkan al-Nadwi membaca bahan-bahan dalam genre novel dan drama pada ketika itu. Sebaliknya ‘Abd al-‘Ali memberikan bahan-bahan bacaan yang berkaitan dengan sejarah kehidupan Rasulullah SAW. Justeru, ini membuktikan bahawa al-Nadwi sememangnya telah didedahkan dengan karya-karya berkaitan *al-sirah al-nabawiyyah* sejak usia kecilnya lagi termasuk oleh abangnya sendiri. Hal ini sepertimana yang dinyatakan oleh al-Nadwi (1987: 76):

وَأَنْ لَا أَتَنَاوَلَ كِتَابَ رِوَايَةٍ أَوْ مَسْرُوحِيَّةٍ مِنْ أَحَدٍ أَقْرَأَهُ، بَلْ كَانَ هُوَ يَخْتَارُ لِي الْجَيِّدَ النَّافِعَ مِنَ الْكُتُبِ مِنْ مَكْتَبَتِنَا الشَّخْصِيَّةِ وَيَأْمُرُنِي بِمُطَالَعَتِهَا، وَكَانَ أَوَّلَ كِتَابٍ نَاوَلْنِيهِ مِنْ هَذِهِ الْكُتُبِ هُوَ كِتَابُ "سِيرَةِ خَيْرِ الْبَشَرِ"، ثُمَّ طَالَعْتُ بَعْدَ ذَلِكَ كِتَابَ "رَحْمَةُ الْعَالَمِينَ" وَكِلَاهُمَا فِي السَّيْرَةِ النَّبَوِيَّةِ.

Terjemahan: “Dan saya tidak mengambil buku novel atau drama untuk membacanya. Sebaliknya, beliau (Abd al-‘Ali) memilih buku-buku yang baik dan berguna untuk saya dari perpustakaan kami dan meminta saya untuk membacanya. Buku pertama yang diberikannya kepada saya ialah buku “Sejarah Kehidupan Manusia Paling Mulia”, dan kemudian saya membaca buku berjudul “Rahmat Bagi Seluruh Alam”, yang kedua-duanya adalah berkaitan sirah Nabi.”

Didikan berteraskan Islam yang diberikan oleh ahli keluarga al-Nadwi kepadanya sangat berkesan dalam membentuk keperibadian dirinya. Meskipun keluarga al-Nadwi terdiri daripada ramai individu, namun untuk bahagian faktor keluarga ini fokus diberikan kepada tiga individu yang banyak mempengaruhi keperibadiannya iaitu bapanya ‘Abd al-Hayy al-Hasani, ibunya Khayr al-Nisa’ bint Diya’ al-Nabi al-Hasani dan abangnya ‘Abd al-‘Ali bin ‘Abd al-Hayy al-Hasani. Tiga orang individu yang memainkan peranan penting dalam mencorak keperibadian al-Nadwi berteraskan Islam ini turut dilihat memberi inspirasi kepada dirinya dalam membentuk pemikiran tersendiri tentang Sastra Islam. Hal ini diperakui oleh Mohd Rumaizuddin (2016) yang menyebut peranan tiga individu penting ini dalam pembentukan keperibadian al-Nadwi.

Pendedahan terhadap bahan-bahan bacaan berunsur sastra dengan fokus terhadap sejarah kehidupan Rasulullah SAW sama ada dalam bentuk prosa mahupun puisi dilihat memberi kesan yang besar terhadap pembentukan ufuk pemikiran al-Nadwi berkaitan Sastra Islam. Pendedahan kepada anak-anak berkaitan sejarah kehidupan Rasulullah SAW sememangnya merupakan elemen penting dalam pendidikan Islam (‘Abd al-Rahman et al., 2014). Malah kehidupan semasa kecil yang dilalui oleh al-Nadwi sangat dekat dengan sumber-sumber Islam khususnya al-Quran. Justeru, pemikiran al-Nadwi yang meletakkan bidang sastra sebagai sebahagian daripada wadah yang membawa ilmu Islam membuktikan kesan didikan yang diberikan oleh keluarganya benar-benar memberi kesan yang baik dalam dirinya dan hal ini dijadikan prinsip tekal sehingga ke akhir hayatnya. Sepertimana yang dinyatakan oleh al-Qaradawi (2001), keluarga al-Nadwi yang berpegang teguh kepada ajaran Islam telah memberi kesan dalam kehidupan dirinya sehingga terbentuknya *al-‘aqliyyah al-‘ilmiyyah* (pemikiran saintifik) dan *al-shakhsiyyah al-islamiyyah* (keperibadian islamik) yang melayakkan dirinya menjadi seorang tokoh pemikir Islam yang unggul mencakupi bidang kesusasteraan Islam.

4.2 Faktor Kedua: Pendidikan

Berdasarkan konsep mikrosistem dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979), faktor pendidikan turut mempengaruhi pembentukan pemikiran al-Nadwi berkenaan Sastra Islam. Faktor pendidikan ini merujuk kepada guru-guru yang telah menyampaikan ilmu kepada al-Nadwi. Hal ini memandangkan al-Nadwi mempunyai hubungan langsung dengan guru-guru tersebut sepanjang menuntut ilmu. Dalam proses menuntut ilmu tersebut, setiap ilmu yang disampaikan oleh guru serta penerimaan murid terhadap ilmu tersebut pasti menyumbang ke arah pembentukan pemikiran yang tersendiri.

Mohammad Akram (2013) dan Zulkifli (2015) menyenaraikan lima orang guru yang mempunyai pengaruh paling kuat dalam diri al-Nadwi. Mereka telah berperanan membentuk pemikiran al-Nadwi meskipun beliau telah menuntut ilmu daripada ramai cendekiawan sama ada sebelum memasuki Dar al-‘Ulum Nadwah al-‘Ulama’ ataupun setelah tamat pengajian di institusi tersebut. Barisan guru al-Nadwi yang dimaksudkan ialah al-Shaykh Khalil bin Muhammad bin al-Husayn al-Ansari al-Yamani (1886-1966), al-Shaykh Muhammad Taqi al-Din bin ‘Abd al-Qadir al-Hilali (1893-1987), al-Shaykh Haydar Hasan Khan al-Tunki (1864-1942), al-Shaykh Ahmad ‘Ali al-Lahawri (meninggal tahun 1961) dan al-Shaykh Husayn Ahmad al-Madani (1879-1957). Walau bagaimanapun, bahagian ini akan menumpukan peranan guru-guru al-Nadwi yang mempengaruhi pemikiran beliau berkaitan Sastera Islam. Guru-guru tersebut ialah al-Shaykh Khalil bin Muhammad bin al-Husayn al-Ansari al-Yamani dan al-Shaykh Muhammad Taqi al-Din bin ‘Abd al-Qadir al-Hilali.

a) al-Shaykh Khalil bin Muhammad bin al-Husayn al-Ansari al-Yamani

Pada akhir tahun 1924, al-Nadwi telah memulakan pembelajaran bahasa Arab dengan al-Shaykh Khalil sepertimana yang dikehendaki oleh abangnya (al-Nadwi, 1987). al-Nadwi sendiri menyatakan bahawa beliau telah mula-mula diajar oleh al-Shaykh Khalil tentang ilmu *al-Sarf* dan kemudian mempelajari buku tulisan gurunya berjudul *al-Mutala‘ah al-‘Arabiyyah*. Pembelajaran yang berlangsung di rumah al-Shaykh Khalil dengan hanya melibatkan al-Nadwi dan adik kepada gurunya membuatkan penumpuan diberikan sepenuhnya semasa waktu pembelajaran. Malah al-Shaykh Khalil telah menyiapkan silibus pembelajaran yang khusus untuk menyampaikan ilmu kepada al-Nadwi. Ini menunjukkan kehebatan al-Shaykh Khalil dalam proses pengajaran bahasa Arab yang mampu menyediakan kandungan pelajaran bagi meraikan keperluan pelajarannya.

Sepertimana yang dinyatakan oleh al-Nadwi (1987), antara kandungan pelajaran yang disusun oleh al-Shaykh Khalil melibatkan buku kesusasteraan Arab terkenal iaitu *Kalilah wa Dimnah*. Hal ini menunjukkan penekanan terhadap kesusasteraan turut diberikan oleh al-Shaykh Khalil dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Pembelajaran kandungan buku *Kalilah wa Dimnah* dibuat secara lebih berfokus berbanding kandungan kitab-kitab lain. Selain itu, sebuah buku lagi berjudul *Majmu‘ah min al-Nazm wa al-Nathr li al-Hifz wa al-Tasmi‘* turut dipelajari daripada al-Shaykh Khalil. Menurut al-Nadwi, kitab ini juga sentiasa dilaziminya memandangkan kandungannya perlu dihafal. Berdasarkan judul kitab tersebut, ia mengandungi kumpulan puisi dan prosa dalam bahasa Arab. Ini menunjukkan kaedah hafalan melibatkan bahan-bahan sastera dalam bahasa

Arab diberi penekanan khusus oleh al-Shaykh Khalil dalam usaha memastikan al-Nadwi benar-benar dapat menguasai bahasa Arab.

Selain dua buah kitab yang menjadi rujukan utama pembelajaran al-Nadwi dengan al-Shaykh Khalil, terdapat kitab-kitab lain yang berkaitan dengan kesusasteraan Arab turut dipelajari. Kitab-kitab dalam kumpulan sumber utama dalam bahasa Arab yang dipelajari oleh al-Nadwi seperti *Nahj al-Balaghah* susunan al-Sharif al-Rida, *Maqamat al-Hariri* karya Muhammad al-Hariri al-Basri, *Dala'il al-I'jaz* karya 'Abd al-Qahir al-Jurjani dan *al-Qasa'id al-'Ashr* karya Abu Zakariya Yahya bin 'Ali al-Tabrizi. Kesemua kitab ini menurut al-Nadwi merupakan kitab turath yang amat penting dalam pembelajaran bahasa Arab (al-Nadwi, 1987). al-Nadwi amat menyanjungi kepakaran gurunya al-Shaykh Khalil dalam mengajar bidang bahasa Arab. Pujian yang diberikan oleh al-Nadwi kepada gurunya jelas menunjukkan kecintaannya kepada bahasa Arab disebabkan oleh inisiatif pengajaran tersendiri yang dilakukan oleh al-Shaykh Khalil. Kata al-Nadwi tatkala memuji kehebatan al-Shaykh Khalil (al-Nadwi, 1987: 79):

لقد كان الشيخ فريدا لا يوجد له مثيل في تطعيمه للطلاب بذوقه ورأيه... لقد كان هو نادرة في هذا الأمر، لا يوجد مثله في الآلاف إلا الواحد بعد الواحد من الأساتذة البارعين وأصحاب النبوغ الماهرين، وهي ملكة موهوبة وليست بمكتسبة. لقد شاهدت في الشيخ ملكة عجيبة في التذوق الصحيح للعربية وآدابها ولغتها، ونقل هذا التذوق إلى الطلاب.

Terjemahan: “al-Shaykh (Khalil) adalah satu-satunya guru, yang tiada tandingan dalam mengajar para pelajarnya dengan citarasa dan pandangannya sendiri... Beliau sangat unik dalam hal ini, tidak ada orang seperti ini dalam kalangan ribuan, beliaulah satu-satunya guru yang cemerlang dan berbakat. Bakat beliau sesuatu yang bersifat semulajadi bukan sesuatu yang diperoleh. Saya melihat pada diri al-Shaykh seorang yang memiliki keistimewaan luar biasa dalam menjiwai bahasa dan kesusasteraan Arab. Dan beliau menyampaikan keistimewaan menjiwai bahasa Arab kepada para pelajar.”

Pengetahuan al-Nadwi terhadap bahasa Arab tidak boleh dipisahkan daripada keilmuan gurunya al-Shaykh Khalil. al-Nadwi menyebut bahawa penguasaan dirinya terhadap bahasa Arab sehingga mampu bertutur dalam bahasa ini disebabkan didikan al-Shaykh Khalil serta latihan yang diberikan sepanjang menuntut ilmu dengannya (al-Nadwi, 1987). Kesungguhan al-Nadwi mempelajari bahasa Arab daripada al-Shaykh Khalil dibuktikan apabila beliau masih menuntut ilmu di rumah gurunya meskipun telah memasuki Universiti Lucknow (al-Nadwi, 1987). Malah pembelajaran al-Nadwi dalam bidang Kesusasteraan Arab di peringkat universiti menjadi lebih mudah kerana kebanyakan sukatan pelajaran telah dipelajari daripada

al-Shaykh Khalil. Ini kerana al-Shaykh Khalil turut berperanan dalam menyediakan sukatan pelajaran bidang Kesusasteraan Arab di universiti tersebut.

Didikan yang diterima oleh gurunya al-Shaykh Khalil dalam menekuni kitab-kitab penting dalam bidang Bahasa dan Kesusasteraan Arab telah membantu al-Nadwi untuk terus meneroka bidang tersebut. Kaedah pengajaran tersendiri yang diusahakan oleh al-Shaykh Khalil telah menjadikan dirinya meminati bidang Bahasa dan Kesusasteraan Arab. Kejayaan al-Nadwi dalam bidang tersebut banyak dibantu oleh didikan gurunya al-Shaykh Khalil yang mengajarnya ilmu-ilmu asas bahasa Arab sehingga akhirnya melancarkan proses pembelajarannya di peringkat universiti.

b) al-Shaykh Muhammad Taqi al-Din bin ‘Abd al-Qadir al-Hilali

Penglibatan al-Shaykh Muhammad Taqi al-Din bin ‘Abd al-Qadir al-Hilali sebagai salah seorang pengajar di Dar al-‘Ulum Nadwah al-‘Ulama pada 14 September 1930 telah membuka ruang kepada al-Nadwi untuk menuntut ilmu daripadanya (al-Nadwi, 1987). al-Shaykh al-Hilali iaitu nama yang dikenali dalam kalangan pelajar di Dar al-‘Ulum Nadwah al-‘Ulama’ merupakan seorang ilmuwan terkenal dalam bidang Bahasa Arab ketika itu. Beliau yang merupakan seorang ilmuwan berbangsa Arab bukan sahaja bertugas sebagai guru di Dar al-‘Ulum Nadwah al-‘Ulama’, malah turut dilantik sebagai Ketua Jabatan Bahasa Arab di institusi tersebut (al-Nadwi, 1987).

Meskipun al-Nadwi tidak menjadi pelajar kepada al-Shaykh al-Hilali secara rasmi, namun disebabkan ketokohan guru ini dalam bidang Bahasa Arab, al-Nadwi mengambil peluang untuk menuntut ilmu daripadanya. Sepertimana yang dijelaskan oleh al-Nadwi, beliau banyak mendapat manfaat daripada al-Shaykh al-Hilali menerusi peluang membaca antologi puisi seorang pemuisi Arab zaman Jahiliyah bernama al-Nabighah. Keadaan ini menjadikan al-Nadwi memperoleh faedah ilmu daripada penjelasan yang diberikan oleh al-Shaykh al-Hilali sepanjang pembacaan dan penerangannya terhadap *Diwan al-Nabighah* (al-Nadwi, 1987: 98):

والواقع أن العمل الذي بدأ به الشيخ خليل من نشر الطرق الصحيحة لتعليم العربية وإنشاء ذوقها وملكتها، ثم وبلغ كماله على يد الأستاذ الهلالي، وقد استفدت منه كثيرا في غير نظام، فكنت أحضره يوميا، وأنتفع بصحبته ومجالسه، ولكن قرأت عليه ديوان النابغة بنظام وقيدت فوائده ونكته، وكان يعطف عليّ بصفة خاصة لأجل العلاقة بأخي الأكبر والشيخ خليل، ويمنح الفرصة الكاملة للاستفادة منه.

Terjemahan: “Dan realitinya usaha (memperkasakan bahasa Arab di Dar al-‘Ulum Nadwah al-‘Ulama’) yang dimulakan oleh al-Shaykh Khalil dengan memperkenalkan kaedah pengajaran bahasa Arab yang betul dan menanam rasa penjiwaan dalam penguasaan bahasa, telah mencapai tahap yang sempurna menerusi penglibatan usaha al-Shaykh al-Hilali. Dan saya mendapat banyak manfaat daripadanya secara tidak langsung. Saya akan hadir di dalam kelas pengajiannya setiap hari, dan mendapat manfaat ketika mendampinginya dan menghadiri kelas pengajiannya. Bahkan, saya berpeluang membaca *Diwan al-Nabighah* (antologi puisi al-Nabighah) secara langsung sehingga mendapat banyak faedahnya dan mengetahui keindahannya. Beliau (al-Shaykh al-Hilali) sangat baik dengan saya yang disebabkan hubungannya yang akrab dengan abang saya (‘Abd al-‘Ali) dan juga guru saya al-Shaykh Khalil. Dan beliau (al-Shaykh al-Hilali) memberi peluang yang secukupnya untuk saya menimba ilmu daripadanya.”

Peranan al-Shaykh al-Hilali tidak terhad semata-mata dalam konteks pembelajaran melibatkan kesusasteraan Arab, malah lebih daripada itu al-Nadwi turut menimba pengalaman berkaitan penulisan dan penerbitan bahan sastera daripada gurunya ini. Pengalaman al-Nadwi bersama gurunya al-Shaykh al-Hilali membuka peluang penerbitan sebuah majalah yang dikenali sebagai *al-Diya’* pada tahun 1932 (al-Nadwi, 1987). Majalah *al-Diya’* telah berperanan sebagai medium rasmi untuk memperkenalkan Dar al-‘Ulum Nadwah al-‘Ulama’ serta menghebahkan setiap aktiviti dan perjalanan institusi ini.

Meskipun majalah *al-Diya’* hanya bertahan penerbitannya selama tiga tahun sahaja, namun menurut al-Nadwi (1987) majalah ini menjadi titik-tolak kepada penerbitan dua buah majalah yang kekal edisinya sehingga ke hari ini, iaitu majalah *al-Ba‘th al-Islami* (<http://www.albasulislami.com>) dan majalah *al-Ra‘id* (<https://www.alraid.in>). Kedua-dua majalah ini turut memuatkan sejumlah tulisan yang termasuk dalam genre sastera. Majalah *al-Ba‘th al-Islami* yang lebih memberi fokus terhadap perbincangan ilmiah berkaitan bahasa dan kesusasteraan Arab terus diterbitkan secara konsisten sehingga ke hari ini. Majalah *al-Ba‘th al-Islami* turut menggariskan secara spesifik objektif penerbitannya yang antara lain bertujuan meningkatkan kedudukan bahasa dan kesusasteraan Arab di India (*al-Ba‘th al-Islami*, 1955).

Berdasarkan huraian ini, dapat dilihat peranan besar kedua-dua orang guru al-Nadwi iaitu al-Shaykh Khalil bin Muhammad bin al-Husayn al-Ansari al-Yamani dan al-Shaykh Muhammad Taqi al-Din bin ‘Abd al-Qadir al-Hilali membentuk pemikiran al-Nadwi tentang kesusasteraan khususnya melibatkan Sastera Islam. Penekanan yang diberikan terhadap pengajian kesusasteraan Arab jelas telah membuka ruang agar cakupannya dikaitkan dengan Islam. Perkaitan kesusasteraan Arab dengan sumber-sumber utama Islam seperti al-Quran dan hadis menyerlahkan lagi keperluan Sastera Islam

terus diperkasakan. Pengajian dalam bidang kesusasteraan juga tidak terhenti di tahap ilmu berbentuk teori semata-mata, sebaliknya usaha mengaplikasi pengetahuan berkaitan kesusasteraan dalam bentuk penghasilan karya sastera turut dibimbing oleh guru al-Nadwi. Hal ini membuktikan bahawa ketokohan kedua-dua orang guru al-Nadwi serta kesungguhan mereka meneroka pendekatan baharu dalam pengajaran dan penulisan karya berbahasa Arab telah memberi suntikan positif dalam diri al-Nadwi. Oleh itu, dapat difahami dengan jelas usaha al-Nadwi memberi perhatian yang serius terhadap bidang kesusasteraan bertitik-tolak daripada peranan yang dimainkan oleh gurunya sendiri.

5. Kesimpulan

Ketokohan al-Nadwi sebagai seorang pemikir Islam dapat diperhatikan menerusi penghasilan karya-karya beliau yang menyentuh pelbagai dimensi ilmu Islam termasuk melibatkan kesusasteraan. Usaha al-Nadwi yang terlibat secara langsung dalam mengangkat gagasan Sastera Islam adalah berpaksikan asas didikan berlatarkan kesusasteraan Islam yang diterima daripada ahli keluarga dan barisan gurunya. Peranan yang dimainkan oleh individu dalam keluarga terutama bapa, ibu dan abang al-Nadwi dalam mendidik dirinya dengan didikan bersumberkan kesusasteraan Islam membuatkan dirinya tidak meninggalkan bidang sastera dalam usaha dakwahnya. Kesenambungan pendidikan yang diterima al-Nadwi daripada gurunya yang memfokus kepada bahasa Arab turut menjadikan dirinya terus berada dalam lingkungan ilmu berkaitan kesusasteraan. Kesemua ini akhirnya mempengaruhi pemikiran al-Nadwi dalam menanggapi gagasan Sastera Islam di peringkat global. Oleh itu, pemikiran al-Nadwi berkaitan Sastera Islam perlu terus diterokai oleh para pengkaji agar dapat dijadikan satu modul ikutan dalam usaha melahirkan lebih ramai tokoh ilmuwan semisalnya.

Rujukan

- ‘Abd al-Rahman ‘Abd al-Hashimi, Muhammad Ibrahim al-Khatib, Ahmad Ibrahim Suman, Bakr Samih al-Muwajidah & Fa’izah Muhammad Fakhri. (2014). *Asalib Tadris al-Tarbiyah al-Islamiyyah*. Amman: Dar al-I’sar al-‘Ilmi li al-Nashr wa al-Tawzi’.
- Adli Yaacob. (2014). Mafhum al-Adab al-Islami bayn al-Udaba’ al-‘Arab wa al-Udaba’ al-Malayuwiyyin bi Maliziya: Dirasah Muqaranah. *Majallah al-Dirasat al-Lughawiyah wa al-Adabiyyah*, 2, 183-211.
- Ahmad Fahmi Zamzam. (2000). *Abu Hasan Ali al-Hasani an-Nadwi: Sejarah Hidup dan Pemikirannya*. Pokok Sena: Khazanah Banjarlah.
- Barry, P. (1995). *Beginning Theory: An Introduction to Literary and Cultural Theory*. Manchester: Manchester University Press.
- Bin ‘Isa Battahir. (1998). al-Adab al-Islami wa Naqduh ‘ind al-Shaykh Abi al-Hasan ‘al-Nadwi. *Majallah Islamiyyah al-Ma’rifah*, 12, 99-131.

- Bronfenbrenner, U. (1979). *The Ecology of Human Development: Experiments by Nature and Design*. Cambridge: Harvard University Press.
- al-Ghawri, Sayyid ‘Abd al-Majid. (2009). *al-‘Allamah Abu al-Hasan al-Nadwi: Ra’id al-Adab al-Islami*. Beirut: Dar Ibn Kathir li al-Tiba’ah wa al-Nashr wa al-Tawzi’.
- Haddad, Y.Y. (1991). The Revivalist Literature and the Literature on Revival. Dlm. Yvonne Yazbeck Haddad, John Obert Voll & John L. Esposito (pnyt.). *The Contemporary Islamic Revival*. New York: Greenwood, 3-21.
- Kubarek, M. (2016). Should the Culture be Engaged? Modern Islamic Literature and its Religious and Political Engagement. *International Journal of Culture and History*, 2(1), 54-58.
- Kritzeck, J. (1970). *Modern Islamic Literature from 1800 to the Present*. Hong Kong: Penguin.
- Le Gassick, T. (1988). The Faith of Islam in Modern Arabic Fiction. *Religion & Literature*, 20(1), 97-109.
- Mahmud Hamudah, Taysir Taha, Nasr ‘Ali Nasr & ‘Imad Qadumi. (1992). *Muhadarat fi Nizam al-Usrah fi al-Islam*. Amman: Dar al-Furqan.
- Mohammad Akram Nadwi. (2013). *Shaykh Abu Al-Hasan Ali Nadwi: His Life and Works*. West Yorkshire: Nadwi Foundation.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. (2010). *Sepuluh Tokoh Sarjana Islam Paling Berpengaruh*. Cet. ke-3. Batu Caves: PTS Islamika.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. (2016). *Biografi Agung: Abu Al-Hasan Ali Al-Nadwi*. Shah Alam: Karya Bestari.
- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2020). Sumbangan al-Nadwi terhadap Perkembangan Sastra Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3), 111-130.
- Mohd. Kamal Hassan. (1996). *Seni, Sastra dan Agama: Satu Kesepaduan*. Prosiding Simposium Serantau Sastra Islam. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 90-106.
- Nadwah al-‘Ulama’. (1955). *al-Ba’th al-Islami*. Diakses pada 13 Januari 2021, daripada: <http://www.albasulislami.com>
- al-Nadwi, Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi. (t.th). *Maza Khasira al-‘Alam bi Inhitat al-Muslimin*. Mansurah: Maktabah al-Iman.
- al-Nadwi, Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi. (1977). *al-Tarbiyah al-Islamiyyah al-Hurrah*. Cet. ke-2. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.
- al-Nadwi, Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi. (1987). *Fi Masirah al-Hayah*. Jil. 1. Damsyiq: Dar al-Qalam li al-Tiba’ah wa al-Nashr wa al-Tawzi’.
- Rabih Khawiyah. (2019). al-Adab al-Islami: Qira’ah fi al-Mustalah wa al-Mafhum. *Dirasat Adabiyyah*, 11(1), 87-118.
- Rabitah al-Adab al-‘Islami al-‘Alamiyyah. (t.th). *al-Ta’rif bi al-Rabitah*. Diakses pada 24 Mei 2021, daripada: <https://adabislami.org/>
- Rahmah Ahmad Osman. (2003). *Islam and Literature: An Analysis the Discussions in the Middle East and Malaysia*. Tesis Ph.D. School of Oriental and African Studies, University of London.
- Rohayati Junaidi. (2020). Persekitaran Kanak-kanak: Satu Penelitian Terhadap Novel Kanak-kanak Terpilih. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(1), 1-17.
- Rosni Samah. (2015). Pemikiran Sastra Islam dalam Perkembangan Sastra Arab Moden. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(2), 71-78.
- Sanaullah al-Azhari. (2017). Mafhum al-Adab al-Islami wa Islamiyyah al-Adab ‘abr al-‘Usur. *Journal of Islamic and Religious Studies*, 2(2), 63-76.

- al-Sayyid Muhammad al-Rabi' al-Hasani al-Nadwi. (2001). al-Shaykh al-Kabir Abu al-Hasan 'Ali al-Hasani al-Nadwi: Kayf Takawwanat Shakhsiyyatuh. *Thaqafah al-Hind*, 52(4), 1-7.
- Shafiq Ahmad Khan al-Nadwi. (2015). Abu al-Hasan 'Ali al-Hasani al-Nadwi: 'Amid al-adab al-Islami. *Thaqafah al-Hind*, 66(1), 1-18.
- al-Shanti, Muhammad Salih. (2005). *Fi al-Adab al-'Arabi al-Qadim: 'Asruh wa Ittijahatuh wa Tatawwuruh wa Namazij Madrusah Minh*. Jil. 1. Cet. ke-4. Ha'il: Dar al-Andalus li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Shushtery, A.M.A. (1966). *Outlines of Islamic Culture: Historical and Cultural Aspects*. Lahore: SH Muhammad Ashraf.
- Siddiq Fadzil. (2000). al-Sayyid Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi: Tema-tema Besar Pemikirannya. *Jurnal Usuluddin*, 11(1), 131-140.
- 'Ulwan, 'Abdullah Nasih. (1992). *Tarbiah al-Awlad fi al-Islam*. Cet. ke-21. Kaherah: Dar al-Salam li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (1989). The Notion of Dakwah and its Perceptions in Malaysia's Islamic Literature of the 1970s and '80s. *Journal of Southeast Asian Studies*, 20(2), 288-297.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2010). Takrif dan Pemahaman "Ilmu" dalam Tradisi Sastera Barat. Ungku Maimunah Mohd. Tahir (pnyt.). *Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan: Teori dan Praktis*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, 159-827.
- al-Washmi, 'Abdullah bin Salih bin Sulayman. (2005). *Juhud Abi al-Hasan al-Nadwi al-Naqdiyah fi al-Adab al-Islami*. Riyadh: Maktabah al-Rushd Nashirun.
- al-Ya'qubi, 'Ali Yusuf. (2011). Mustalah al-Adab al-Islami fi al-Naqd al-Hadith bayn al-Qabul wa al-Rafd. *Majallah al-Jami'ah al-Islamiyyah (Silsilah al-Dirasat al-Insaniyyah)*, 19(2), 1173-1206.
- Zulkifli Mohamad. (2015). *Maulana Syeikh Abu Al-Hasan Ali Al-Nadwi: Da'i, Muslih, Alim dan Rabbani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

